Soalan 1

(a) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat* **satu kesalahan ejaan**. *Kenal pasti kesalahan tersebut dan* **tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.**

(i) Masyarakat di seluruh dunia telah berhimpun secara aman di negara masing-masing bagi menyokong dasar antiIsrael.

(ii) Pos Malaysia telah mengeluarkan stem khas sempena sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia pada tahun ini.

(iii) Asrul menunton tangan warga emas yang ingin menyeberangi jalan raya yang sibuk itu.

[3 *markah*]

(b) *Lengkapkan ruangan kosong di bawah dengan* **kata hubung gabungan** *yang* **paling sesuai**.

(i) Azlini lulus dalam peperiksaan _____ adiknya gagal mendapat keputusan cemerlang.

(ii) Pak Leman bangun _____ berjalan ke beranda rumahnya.

[2 *markah*]

Soalan 2

Baca bahan-bahan yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Saya suka membaca novel, terutamanya pada masa senggang kerana bagi saya membaca novel dapat meningkatkan minat membaca dalam diri, memperbanyak kosa kata dan membantu penulisan saya. Minat ini juga membolehkan saya belajar melalui penceritaan yang digarap dalam novel selain mendidik diri agar lebih empati terhadap masyarakat sekeliling. Membaca novel juga membantu saya memahami karakter seseorang dan menjadikan saya lebih berani menghadapi cabaran hidup. Dengan membaca novel juga saya dapat melapangkan fikiran setelah penat belajar.

–Adelia–

BAHAN 2

Saya gemar melayari Internet apabila mempunyai masa lapang. Persepsi sesetengah pihak bahawa Internet melalaikan penggunanya perlu dikikis kerana pada saya, dengan Internet kita dapat mengetahui isu-isu semasa yang berlaku di dalam negara mahupun luar negara. Saya juga dapat mencari bahan atau maklumat yang berkaitan dengan tugasan sekolah. Dengan adanya Internet juga membolehkan saya berinteraksi dan bertukar-tukar pendapat dengan kenalan selain dapat berhibur dengan permainan dalam talian. Malah, saya dapat merehatkan fikiran setelah penat belajar.

–Shafiq–

(i) Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2 di atas, nyatakan kesan-kesan mempunyai hobi seperti Adelia dan Shafiq. [3 *markah*]

LIVEWORKSHEETS

(ii) Berdasarkan kedua-dua petikan, nyatakan persamaan antara Adelia dengan Shafiq. [3 *markah*]

(iii) Pelbagai aktiviti berfaedah boleh dijadikan hobi seperti melancong.
Pada pendapat anda, apakah faedah-faedah hobi tersebut? [4 *markah*]


Soalan 3

Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** *daripada novel yang telah anda kaji di* **Tingkatan 3**.

(i) Justeru Impian di Jaring karya Zaid Akhtar
(ii) Tawanan Komander Caucasus karya Ruzaini Yahya
(iii) Chot karya Azizi Haji Abdullah
(iv) Hempasan Ombak karya Zailiani Taslim

Nilai penting untuk dijadikan contoh dan panduan kepada pembaca dalam kehidupan sehari-hari.

Berdasarkan sebuah daripada novel di atas, buktikan pernyataan tersebut dengan mengemukakan contoh peristiwa yang sesuai dengan nilai yang telah ditetapkan di bawah.



[10 *markah*]

LIVEWORKSHEETS